

PENGARUH TEMPOH BELAJAR BAHASA ARAB DI LUAR KELAS TERHADAP PENGGUNAAN STRATEGI PEMBELAJARAN BAHASA

Oleh:

Linamalini bt. Mat Nafi ¹
Kamarul Shukri b. Mat Teh ²

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk meneliti strategi pembelajaran bahasa yang digunakan oleh para pelajar IPT Kelantan ketika mempelajari bahasa Arab dan kekerapan penggunaannya. Selain itu, ia bertujuan untuk mengenal pasti sama ada terdapat sumbangan signifikan pada tempoh belajar bahasa Arab dalam seminggu terhadap penggunaan SPB. Ia juga berobjektif untuk melihat faktor pemboleh ubah tempoh belajar bahasa Arab di luar kelas dalam seminggu terhadap penggunaan strategi pembelajaran bahasa. Kajian ini melibatkan 200 orang responden daripada dua buah IPT di Kelantan iaitu Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) dan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Nilam Puri (APIUM). Kajian tinjauan yang bersifat kuantitatif ini menggunakan soal selidik strategi pembelajaran bahasa SILL versi 7.0 dengan penambahan konstruk metafizik untuk mengumpul data. Data kajian dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif dan statistik inferensi. Dapatan kajian menunjukkan para pelajar menggunakan keseluruhan strategi pada tahap sederhana manakala strategi metafizik merupakan strategi yang paling kerap digunakan. Ujian-t menunjukkan terdapat perbezaan signifikan pada tahap penggunaan SPB berdasarkan jumlah jam belajar bahasa Arab di luar kelas dalam seminggu. Ujian Regresi Berganda pula menunjukkan bahawa tempoh belajar bahasa Arab di luar kelas dalam seminggu merupakan faktor yang mempengaruhi penggunaan SPB. Hasil kajian ini sedikit sebanyak

¹ Linamalini bt. Mat Nafi (Ph.D), Ketua Jabatan Bahasa Arab, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS).

² Kamarul Shukri b. Mat Teh (Ph.D), Profesor di Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, UNISZA.

*memberi sumbangan kepada perkembangan proses
pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia
khasnya.*

Kata Kunci: *Tempoh Pembelajaran, Strategi Pembelajaran Bahasa,
Strategi Metafizik*

PENGENALAN

Sejak tiga dekad kebelakangan ini sememangnya kita dapat menyaksikan pendidikan bahasa Arab di Malaysia terus berkembang. Bahasa Arab telah dijadikan salah satu subjek elektif universiti di samping sebagai subjek wajib di fakulti. Namun begitu, tahap kemahiran dan penguasaan bahasa ini masih menjadi perbincangan dan persoalan pelbagai pihak sama ada mereka yang terlibat pada peringkat persekolahan mahu pun pada peringkat pengajian tinggi.³ Banyak kajian yang dijalankan menunjukkan kemerosotan pencapaian bahasa Arab pelajar pada peringkat menengah.⁴ Malah ia memberi kesan kepada pembelajaran pada peringkat pengajian tinggi.⁵ Antara faktor-faktor yang menyumbang kepada permasalahan ini ialah kurangnya kesedaran tentang Strategi Pembelajaran Bahasa (SPB). Selain itu, penggunaan strategi pembelajaran yang sesuai juga turut didapati mempunyai hubungan yang signifikan dengan kecemerlangan prestasi bahasa.⁶

SPB merupakan langkah atau tindakan khusus yang diambil oleh pelajar untuk memudahkan pemerolehan, penyimpanan, pemerolehan semula dan penggunaan maklumat sehingga menjadikan pembelajaran lebih mudah, lebih cepat, lebih menyeronokkan, lebih sendiri, lebih efektif dan lebih senang dipindahkan ke suasana baru.⁷ SPB melibatkan

³ Kamarulzaman Abdul Ghani dan Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff (2005). Menilai Kebolehbacaan Buku Teks Bahasa Arab Tinggi: Ke Arah Meningkatkan Kemahiran Membaca Pelajar. *Prosiding Wacana Pendidikan Islam* Siri 10, h. 345-354.

⁴ Saupi Man (2003). Tuntutan-tuntutan Asas Pengajaran Bahasa Arab Komunikasi di Luar Negara Arab. *Prosiding Wacana Pendidikan* Siri 3, h. 263-275.

⁵ Ab. Halim Mohamad (2007). Masalah Komunikasi Bahasa Arab di Kalangan Pelajar Bacelor Bahasa Arab di IPTA Malaysia. *Prosiding Seminar Penyelidikan Dalam Pengajian Islam* Ke-4, h. 1-13.

⁶ Green, J.M. & Oxford, R.L (1995). A Closer Look at Learning Strategies, L2 Proficiency, and Gender. *TESOL Quarterly* 29 (2), h. 261-297.

⁷ Oxford, R.L (1990). *Language Learning Strategies: What Every Teacher Should Know*. New York: Newbury House.

prosedur mental dan komunikatif untuk mempelajari dan menggunakan bahasa dalam kerangka mempertingkatkan pencapaian dan penguasaan bahasa sasaran.⁸

LATAR BELAKANG KAJIAN

Beberapa kajian membuktikan bahawa tempoh pembelajaran memberi pengaruh ke atas penggunaan SPB. Pelajar yang lama mempelajari bahasa menggunakan strategi yang berbeza dengan pelajar yang baru belajar.⁹ Pelajar yang telah lama belajar cenderung untuk menggunakan lebih banyak strategi berbanding dengan pelajar yang kurang tempoh pembelajarannya. Dalam kajian yang dilakukan oleh Ehrman (1990) ke atas guru dan pelajar di US Foreign Service Institute, didapati pelajar yang telah lama belajar cenderung untuk menggunakan lebih banyak strategi berbanding dengan pelajar yang kurang tempoh pembelajarannya.

Kajian Green dan Oxford (1995) juga menunjukkan bahawa pelajar yang berada pada tahap tinggi menggunakan lebih banyak strategi berbanding pelajar ditahap bawah. Sanders (2004) pula telah melakukan kajian ke atas pelajar bahasa Itali di Universiti Texas. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar yang mempunyai pengalaman belajar bahasa melebihi empat tahun menggunakan lebih banyak strategi berbanding dengan pelajar yang tempoh pembelajarannya kurang daripada empat tahun.

Kajian yang dilakukan oleh Kamarul Shukri et al. (2009) meninjau sumbangan beberapa pemboleh ubah terhadap tahap penggunaan SPB dalam bahasa Arab. Hasil kajian menunjukkan bahawa jumlah jam belajar bahasa Arab di luar kelas dalam satu minggu turut tersenarai sebagai pemboleh ubah peramal yang menyumbang sebanyak tujuh peratus penggunaan SPB populasi. Tempoh kehidupan pelajar di luar kelas persekolahan adalah lebih lama daripada tempoh pembelajaran di dalam kelas. Ini menyediakan peluang yang lebih banyak kepada pelajar untuk belajar bahasa di luar bilik darjah. Oleh yang demikian, semakin banyak masa yang digunakan oleh seseorang pelajar untuk

⁸ Kamarul Shukri Mat Teh dan Mohamed Amin Embi (2010). *Strategi Pembelajaran Bahasa*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

⁹ Green, J.M. & Oxford, R.L (1995). A Closer Look at Learning Strategies, L2 Proficiency and Gender. *TESOL Quarterly* 29 (2), h. 261-297.

aktiviti pembelajaran, maka semakin banyak strategi pembelajaran yang dipraktikkan.¹⁰

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk:

1. Mengenal pasti strategi pembelajaran bahasa yang digunakan oleh para pelajar IPT Kelantan ketika mempelajari bahasa Arab dan kekerapan penggunaannya.
2. Mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan signifikan pada penggunaan SPB berdasarkan tempoh belajar bahasa Arab di luar kelas dalam seminggu.
3. Mengenal pasti sama ada terdapat sumbangan signifikan pada tempoh belajar bahasa Arab di luar kelas dalam seminggu terhadap penggunaan SPB.

SOALAN KAJIAN

1. Apakah jenis strategi pembelajaran bahasa yang digunakan oleh pelajar IPT Kelantan ketika mempelajari bahasa Arab dan berapa kerapkah penggunaannya?
2. Adakah terdapat perbezaan signifikan pada penggunaan SPB berdasarkan tempoh belajar bahasa Arab di luar kelas dalam seminggu?
3. Adakah terdapat sumbangan signifikan pada penggunaan SPB berdasarkan tempoh belajar bahasa Arab di luar kelas dalam seminggu?

HIPOTESIS KAJIAN

Bagi menjawab soalan kajian kedua, maka hipotesis nol pertama telah dibina seperti berikut:

¹⁰ Kamarul Shukri Mat Teh, et. al (2009). Sumbangan Beberapa Pemboleh Ubah Terhadap Tahap Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Arab. Prosiding Seminar Pendidikan Serantau Ke-4, h. 469-476.

Ho.1 Tidak terdapat perbezaan signifikan pada penggunaan SPB berdasarkan tempoh belajar bahasa Arab di luar kelas dalam seminggu.

Bagi menjawab soalan kajian ketiga, maka hipotesis nol kedua telah dibina seperti berikut:

Ho.2 Tidak terdapat sumbangan signifikan pada penggunaan SPB berdasarkan tempoh belajar bahasa Arab di luar kelas dalam seminggu.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian yang dijalankan ini merupakan kajian kuantitatif yang dilaksanakan menerusi kaedah tinjauan deskriptif secara deduktif. Ia adalah satu kajian yang dimulakan dengan pembinaan hipotesis, kemudiannya diikuti dengan pengukuran data kajian secara empirikal dan diakhiri dengan penganalisan secara kritikal. Jenis kajian tinjauan yang digunakan dalam kajian ini pula ialah kajian tinjauan semasa atau keratan lintang (*cross-sectional survey*) yang memungut data sekali sahaja daripada suatu sampel pada suatu masa.¹¹ Dapatan daripada kaedah tinjauan ini dapat digeneralisasikan daripada sampel kepada populasi. Bagi mengumpul maklumat kajian, soal selidik Strategi Pembelajaran Bahasa Arab (SPBA) yang dibina berdasarkan SILL versi 7.0¹² dengan tambahan strategi metafizik¹³ telah digunakan. Kaedah *Alfa Cronbach* digunakan bagi mendapatkan indeks kebolehpercayaan instrumen kajian ini. Indeks kebolehpercayaan instrumen soal selidik yang diperoleh adalah 0.944. Berdasarkan pandangan Mohd. Majid (2010),¹⁴ Sekaran (1992),¹⁵ Mc Millan dan Schumacher (1984)¹⁶ dan lain-lain, indeks kebolehpercayaan instrumen kajian ini adalah tinggi dan boleh diterima pakai bagi menjalankan ujian sebenar. Item soal

¹¹ Creswell, J.W (2015). *Educational Research: Planning, Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*. Ed. 2. New Jersey: Pearson Education Inc.

¹² Oxford, R.L (1990), *op. cit.*

¹³ Kamarul Shukri b. Mat Teh, *op. cit.*

¹⁴ Mohd Majid Konting (2000). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. c. 5. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

¹⁵ Sekaran, U (1992). *Research Method Fo Business: A Skalap Building Approach*. Ed. 2. New York: John Wiley & Sons..

¹⁶ McMillan, J. & Schumacher, S (1984). *Research in Education: A Conceptual Introduction*. Boston: Little, Brown and Company.

selidik telah disemak kesahan konstruksinya oleh seorang pakar SPB di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). Bagi mengukur tahap penggunaan SPBA pula, kaedah penginterpretasian yang dikemukakan oleh Oxford (1990) ¹⁷ digunakan (sila rujuk Jadual 1).

Jadual 1: Interpretasi Oxford (1990) Bagi Tahap Penggunaan SPB

Interpretasi	Skala	Kenyataan Perlakuan	Skor Min
Tinggi	1	Sentiasa benar tentang diri saya	4.5 hingga 5.0
	2	Selalunya benar tentang diri saya	3.5 hingga 4.4
Sederhana Rendah	3	Biasanya benar tentang diri saya	2.5 hingga 3.4
	4	Biasanya tidak benar tentang diri saya	1.5 hingga 2.4
	5	Tidak pernah benar tentang diri saya	1.0 hingga 1.4

Sampel kajian adalah terdiri daripada 200 orang pelajar semester tiga di dua buah IPT yang terpilih iaitu Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) dan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM), Nilam Puri. Teknik persampelan yang digunakan dalam kajian ini ialah rawak berstrata tidak berdasarkan nisbah di mana 100 orang responden terdiri daripada pelajar KIAS dan 100 orang lagi daripada APIUM.

Data kajian dianalisis menggunakan SPSS versi 17.0. Ia dianalisis dalam dua cara iaitu secara deskriptif dan inferensi. Statistik deskriptif min dan sisihan piawai diaplikasi untuk melihat serta mengenal pasti jenis SPB yang digunakan oleh responden dan kekerapan penggunaannya. Statistik inferensi (Ujian-t dan Regresi Berganda) pula diaplikasi untuk mencapai objektif yang kedua dan ketiga.

DAPATAN KAJIAN

Bagi mencapai objektif kajian yang pertama, kajian ini menilai sepuluh peratus strategi yang paling kerap dan paling kurang digunakan

¹⁷ Oxford, R.L (1990). *op. cit.*

oleh pelajar IPT Kelantan ketika mempelajari bahasa Arab. Jadual 2 memaparkan dapatan kajian yang menunjukkan bahawa 10% strategi yang paling kerap digunakan ialah item s62 "saya meminta ampun daripada kedua ibu bapa sebelum menduduki peperiksaan dan meminta mereka mendoakan saya" (Min=4.23, S.P=.027), item s57 "saya berusaha untuk memahami atau menghayati makna bacaan dalam sembahyang, doa, ayat al-Quran dan al-Hadith" (Min=3.69, S.P=0.89), item s26 "saya meneka makna perkataan-perkataan yang saya tidak fahami berdasarkan konteks ayat atau situasi perbualan" (Min=3.47, S.P=0.92), item s58 "saya membaca al-Quran setiap hari untuk memperbetul atau melancarkan sebutan bahasa Arab saya" (Min=3.44, S.P=0.98), item s61 "saya meminta restu daripada guru sebelum menduduki peperiksaan" (Min=3.43, S.P=1.13), dan item s48 "saya meminta si penutur bahasa Arab memperlahan, mengulang, atau menjelas semula apa yang telah diperkatakan sekira saya tidak memahami sesuatu" (Min=3.36, S.P=1.02). Sebanyak dua item strategi metafizik berada pada tahap penggunaan tinggi manakala dua item strategi lagi berada pada tahap penggunaan yang sederhana, manakala satu item strategi tampungan berada pada tahap penggunaan yang sederhana dan satu item strategi sosial juga berada pada tahap sederhana.

Jadual 2: Min dan Sisihan Piawai 10% Strategi Paling Kerap Digunakan (n=200)

No Item	Strategi	Min	S.P	Kategori Strategi	Interpretasi
s62	Saya meminta ampun daripada kedua ibu bapa sebelum menduduki peperiksaan dan meminta mereka mendoakan saya.	4.23	1.02	Metafizik	Tinggi
s57	Saya berusaha untuk memahami atau menghayati makna bacaan dalam sembahyang, doa, ayat al-Quran dan al-Hadith.	3.69	0.89	Metafizik	Tinggi

s26	Saya meneka makna perkataan-perkataan yang saya tidak fahami berdasarkan konteks ayat atau situasi perbualan.	3.47	0.92	Tampungan	Sederhana
s58	Saya membaca al-Quran setiap hari untuk memperbetul atau melancarkan sebutan bahasa Arab saya.	3.44	0.98	Metafizik	Sederhana
s61	Saya meminta restu daripada guru sebelum menduduki peperiksaan.	3.43	1.13	Metafizik	Sederhana
s48	Saya meminta si penutur bahasa Arab memperlahan, mengulang atau menjelas semula apa yang telah diperkatakan sekira saya tidak memahami sesuatu.	3.36	1.02	Sosial	Sederhana

Jadual 3 pula menunjukkan bahawa sebanyak enam strategi yang paling kurang digunakan ialah item s45 "saya meluahkan perasaan saya tentang pembelajaran bahasa Arab dalam diari" (Min=1.64, S.P=0.98), item s7 "saya menggunakan kad imbasan untuk mengingat perkataan baru" (Min=1.97, S.P=0.97), item s19 "saya menulis nota, mesej, surat atau laporan dalam bahasa Arab" (Min=2.11, S.P=0.94), item s18 "saya membaca bahan-bahan berbahasa Arab untuk hiburan. Contoh: membaca buku cerita, majalah atau surat khabar Arab" (Min=2.12, S.P=0.91), item s6 "saya menggunakan kaedah rima (bunyi bersajak) untuk mengingat perkataan baru. Contoh:" (Min=2.19, S.P=1.09), item s43 "saya mempelajari tentang budaya Arab" (Min=2.21, S.P=1.00), dan item s53 "saya memberi ganjaran atau hadiah kepada diri sendiri apabila saya mencapai sesuatu yang membanggakan dalam pembelajaran bahasa Arab" (Min=2.21, S.P=1.09). Keenam-enam item strategi yang paling kurang digunakan oleh pelajar IPT Kelantan ketika mempelajari bahasa Arab adalah berada pada tahap penggunaan yang rendah.

Jadual 3: Min dan Sisihan Piawai 10% Strategi Paling Kurang Digunakan (n=200)

No Item	Strategi	Min	S.P	Kategori Strategi	Interpretasi
s45	Saya meluahkan perasaan saya tentang pembelajaran bahasa Arab dalam diari.	1.64	0.98	Afektif	Rendah
s7	Saya menggunakan kad imbasan untuk mengingat perkataan baru.	1.97	0.97	Memori	Rendah
s19	Saya menulis nota, mesej, surat atau laporan dalam bahasa Arab.	2.11	0.94	Kognitif	Rendah
s18	Saya membaca bahan-bahan berbahasa Arab untuk hiburan. Contoh: membaca buku cerita, majalah atau surat khabar Arab.	2.12	0.91	Kognitif	Rendah
s6	Saya menggunakan kaedah rima (bunyi bersajak) untuk mengingat perkataan baru. Contoh:	2.19	1.09	Memori	Rendah
s53	Saya mempelajari tentang budaya Arab.	2.21	1.00	Sosial	Rendah

Kajian ini turut menilai min bagi setiap kategori strategi utama. Hasil kajian mendapati bahawa kategori yang paling kerap digunakan adalah Strategi Metafizik (Min=3.31, S.P=0.72) pada tahap sederhana. Ini diikuti oleh Strategi Tampungan (Min=3.15, S.P=0.75) yang juga pada tahap sederhana. Kemudian diikuti oleh Strategi Sosial (Min=2.80, S.P=0.74) juga pada tahap sederhana. Seterusnya Strategi Afektif (Min=2.76, S.P=0.69), diikuti oleh Strategi Metakognitif (Min=2.75, S.P=0.72), Strategi Kognitif (Min=2.66, S.P=0.63) dan Strategi Memori (Min=2.61, S.P=0.66) yang kesemuanya juga pada tahap penggunaan sederhana. Kajian ini juga mendapati tiada satu pun kategori strategi utama yang digunakan oleh para pelajar berada

pada tahap penggunaan yang tinggi. Selain itu, tiada satu pun kategori strategi utama yang digunakan oleh para pelajar berada pada tahap penggunaan yang rendah. Min, sisihan piawai dan interpretasi tahap penggunaan SPB berdasarkan kategori utama SPB adalah sebagaimana yang ditunjukkan oleh Jadual 4.

Jadual 4: Min dan Sisihan Piawai Tahap Penggunaan Penggunaan SPB Berdasarkan Kategori Utama (n=200)

Strategi Utama	Min	S.P	Interpretasi
Metafizik	3.31	0.72	Sederhana
Tampungan	3.15	0.75	Sederhana
Sosial	2.80	0.74	Sederhana
Afektif	2.76	0.69	Sederhana
Metakognitif	2.75	0.72	Sederhana
Kognitif	2.66	0.63	Sederhana
Memori	2.61	0.66	Sederhana
Keseluruhan Strategi	2.83	0.56	Sederhana

Seterusnya, min bagi penggunaan strategi secara keseluruhan adalah Min=2.83, S.P=0.56 sebagaimana dipaparkan dalam Jadual 4. Ini menunjukkan bahawa kekerapan penggunaan SPB adalah berada pada tahap sederhana. Ia menggambarkan bahawa penggunaan SPB secara keseluruhan adalah merupakan perlakuan tindakan yang membawa maksud “biasanya benar tentang diri saya” iaitu kenyataan ini adalah lebih kurang separuh (50%) berlaku pada diri pelajar.

Bagi mencapai objektif kajian yang kedua dan ketiga, tempoh belajar ini telah dikodkan semula dan dikelaskan kepada dua kategori. Kategori 1 dilabelkan kepada sebagai kurang daripada satu jam manakala kategori 2 dilabelkan sebagai lebih daripada satu jam.

Jadual 5 menunjukkan keputusan Ujian-t terhadap perbezaan tahap penggunaan SPB berdasarkan jumlah jam belajar bahasa Arab di luar kelas dalam seminggu. Hasil ujian yang dijalankan mendapati min skor kumpulan 1 iaitu kurang daripada satu jam ialah Min=169.40 dan sisihan piawainya adalah 32.38. Min skor bagi kumpulan 2 iaitu lebih daripada satu jam pula ialah Min=186.83 dan sisihan piawainya adalah 37.34. Nilai t (N=200) yang diperoleh ialah -3.471 dan nilai

signifikan yang diperoleh ialah 0.001 lebih kecil daripada nilai Alpha 0.05. Paras signifikan dalam kajian ini adalah $p < 0.05$. Ini menunjukkan pernyataan "tidak terdapat perbezaan signifikan pada penggunaan SPB berdasarkan jumlah jam belajar bahasa Arab di luar kelas dalam seminggu" di dalam hipotesis nol pertama berjaya ditolak.

Jadual 5: Ujian-t Bagi Penggunaan SBP Berdasarkan Jumlah Jam Belajar Bahasa Arab di Luar Kelas Dalam Seminggu (n=200)

Pemboleh Ubah Bersandar	Kumpulan	N	Min	SP	Nilai t	Sig
Penggunaan SPB	1	126	169.40	32.38	-3.471	0.001
	2	74	186.83	37.34		

Apa yang dapat disimpulkan di sini adalah, bagi sampel kajian ini (n=200), kumpulan pelajar yang memperuntukkan masa belajar di luar kelas melebihi satu jam (Min=186.83, S.P=37.34, n=74) secara signifikan memperoleh skor inferensi yang lebih tinggi berbanding kumpulan pelajar yang memperuntukkan masa belajar di luar kelas kurang daripada satu jam (Min=169.40, S.P=32.38, n=126).

Nilai min yang lebih tinggi bagi kumpulan pelajar yang memperuntukkan masa belajar bahasa Arab di luar kelas melebihi satu jam Min=186.83. Ini menunjukkan bahawa mereka lebih banyak dan kerap menggunakan SPB berbanding kumpulan pelajar yang memperuntukkan masa belajar bahasa Arab di luar kelas kurang daripada satu jam Min=169.40.

Jadual 6 pula menunjukkan hasil ujian analisis Regresi Berganda yang menunjukkan pemboleh ubah bebas jumlah jam belajar bahasa Arab di luar kelas dalam seminggu memberi sumbangan signifikan ($p < 0.05$) terhadap jumlah varian dalam penggunaan SPB. Nilai R Kuasa Dua (0.057) yang diperoleh menunjukkan bahawa pemboleh ubah bebas ini memberi sumbangan sebanyak 5.7% kepada varian dalam penggunaan SPB. Justeru, hipotesis nol kedua yang menyatakan "tidak terdapat sumbangan signifikan daripada pemboleh ubah bebas jumlah jam belajar bahasa Arab di luar kelas dalam seminggu terhadap penggunaan SPB" berjaya ditolak. Dapatan ini sekali gus mengukuhkan hasil Ujian-t yang melihat tahap penggunaan SBP berdasarkan jumlah jam belajar bahasa Arab di luar kelas dalam seminggu (sila rujuk Jadual 5).

**Jadual 6: Analisis Regresi Berganda (Stepwise) Bagi Pemboleh
Ubah Bebas Yang Mempengaruhi Penggunaan SPB**

Peramal	B	Ralat Piawai	Beta (β)	t	Sig	R	Sumbangan
Jumlah jam belajar	17.433	5.023	0.239	3.471	0.001	0.057	5.7%
Konstant	151.972	7.297		20.828	0.000		

Keputusan analisis Regresi Berganda menunjukkan bahawa bagi saiz sampel ini ($n=200$) skor jumlah jam belajar bahasa Arab di luar kelas dalam seminggu merupakan peramal yang signifikan $F=12.045$, $p=0.001$ bagi skor penggunaan SPB. Pemboleh ubah peramal ini menyumbang sebanyak 5.7% varian dalam pemboleh ubah kriterion. Ini bererti bahawa pemboleh ubah peramal jumlah jam belajar bahasa Arab di luar kelas dalam seminggu ($\beta=0.239$, $p=0.001$) dapat meramal skor penggunaan SPB secara signifikan. Dapatan ini menjelaskan bahawa apabila tempoh belajar bahasa Arab di luar kelas meningkat, maka tahap penggunaan SPB dalam kalangan pelajar juga meningkat.

Apa yang dapat disimpulkan di sini, analisis Regresi Berganda (*stepwise*) mendapati pemboleh ubah bebas (jumlah jam belajar bahasa Arab di luar kelas dalam seminggu) mempunyai korelasi dan memberi kesan serta sumbangan sebanyak 5.7 peratus terhadap penggunaan SPB dalam kalangan pelajar. Lebih sebanyak 94.3 peratus boleh dijelaskan dengan pemboleh-pemboleh ubah yang lain yang tidak diambil kira dalam model ini. Dapatan ini menunjukkan kebarangkalian wujud beberapa faktor lain yang memberikan kesan atau pengaruh terhadap penggunaan SPB yang tidak disentuh di dalam kajian ini.¹⁸

RUMUSAN DAN PERBINCANGAN

Kajian ini menunjukkan bahawa para pelajar menggunakan strategi yang berkaitan dengan tuntutan agama secara bijak dan kerap dalam usaha mempertingkatkan pencapaian dan penguasaan bahasa Arab. Ini dibuktikan dengan kedudukan penggunaan strategi meminta ampun daripada kedua ibu bapa dan juga memohon doa restu daripada mereka untuk kejayaan dalam pembelajaran bahasa Arab pada tahap yang tinggi.

¹⁸ Kamarul Shukri b. Mat Teh, *op. cit.*

Dalam masa yang sama mereka juga menggunakan strategi tersebut untuk mempertingkatkan keyakinan dan menghilangkan kegugupan dalam pembelajaran bahasa Arab. Selain daripada itu, mereka juga menggunakan sumber agama dengan kerap untuk berjaya dalam pembelajaran bahasa Arab. Dalam usaha untuk mempertingkatkan kemahiran bahasa Arab, mereka cuba untuk memahami atau menghayati makna bacaan dalam sembahyang, doa, ayat al-Quran atau Hadis serta memperbetul atau melancarkan sebutan bahasa Arab melalui bacaan al-Quran. Ia sejajar dengan kedudukan bahasa Arab itu sendiri sebagai bahasa al-Quran dan bahasa yang digunakan dalam solat. Ini menunjukkan hubungan yang rapat antara amalan keagamaan ini dengan kehidupan para pelajar.

Kajian ini turut menunjukkan bahawa penggunaan strategi pembelajaran bahasa dalam kalangan pelajar secara keseluruhannya berada pada tahap sederhana dengan min 2.83. Terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi dapatan tersebut. Antara faktor-faktor yang menyebabkan tahap penggunaan SPB secara keseluruhan yang sederhana ialah sikap pelajar terhadap bahasa Arab menjadi penentu kepada pemilihan strategi yang bakal digunakan dalam pembelajaran mereka.¹⁹ Selain itu, guru dan pensyarah juga turut memainkan peranan utama dalam mempengaruhi penggunaan SPB. Tugas guru dan pensyarah bukan hanya memberi pelajaran semata, malah para guru dan pensyarah hendaklah memupuk minat para pelajar kepada subjek yang dipelajarinya. Kekurangan maklumat berkenaan dengan SPB dalam kalangan guru dan pensyarah turut mempengaruhi penggunaan SPB pada tahap sederhana. Malah, strategi pengajaran yang digunakan oleh para guru dan pensyarah juga hendaklah selari dengan strategi pembelajaran bahasa yang digunakan oleh para pelajar. Kecenderungan para guru menggunakan kaedah pengajaran yang berpusatkan guru dan kurangnya penglibatan pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran menyebabkan pelajar kurang terdedah kepada penggunaan SPB.²⁰ Sistem pembelajaran yang berorientasi peperiksaan dalam sistem pendidikan di Malaysia juga mempengaruhi tahap penggunaan SPB pelajar yang sederhana.

¹⁹ Kuntz, Pn (1996), *Students of Arabic: Believe About Foreign Language Learning*, al-Arabiyya, p.153-173

²⁰ Hassan Basri Awang Mat Dahan (2003). *Perkaedahan Pengajaran Bahasa Arab di Malaysia: Antara Tradisi dan Inovasi*. *Prosiding Wacana Pendidikan Islam Siri 3*, h. 164-175.

Dapatan kajian ini juga menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dalam penggunaan SPB secara keseluruhan berdasarkan perbezaan jumlah jam belajar bahasa Arab di luar kelas dalam seminggu. Kumpulan yang memperuntukkan masa lebih daripada enam jam seminggu untuk mempelajari bahasa Arab lebih kerap dan banyak menggunakan strategi berbanding dengan kumpulan pelajar yang lain. Ia diikuti oleh kumpulan yang memperuntukkan masa belajar bahasa Arab empat hingga enam jam seminggu, satu hingga tiga jam seminggu dan kurang daripada satu jam seminggu. Ini dibuktikan dengan hasil ujian Regresi Berganda yang menunjukkan bahawa pemboleh ubah jumlah jam belajar bahasa Arab di luar kelas dalam seminggu merupakan peramal yang memberi kesan dan sumbangan terhadap peningkatan tahap penggunaan SPB.

Dapatan ini menyokong kajian Chang (2003),²¹ Kamarul Shukri (2009)²² dan Wu (2006).²³ Selain itu, dapatan ini selari dan bertepatan dengan pandangan beberapa penyelidik yang menyatakan bahawa tempoh pembelajaran mempengaruhi tahap penggunaan bahasa. Pembelajaran bahasa kedua (asing) tidak seharusnya terbatas di dalam bilik darjah semata. Lebih-lebih lagi dalam pembelajaran bahasa Arab yang mana persekitaran serta input bahasanya agak terhad.

Oleh yang demikian, para pelajar mestilah melipat gandakan usaha pembelajaran bahasa tersebut semasa di luar kelas dengan membuat latihan dan mengulang kaji apa yang telah dipelajari semasa di dalam kelas. Dengan usaha tersebut, secara tidak langsung ia dapat membantu para pelajar membina dan mengukuhkan kemahiran-kemahiran bahasa seperti membaca dan menulis. Mereka juga dapat mempelajari cara menggunakan maklumat bahasa yang diperolehi dan seterusnya memindahkannya ke dalam suasana yang baharu. Maka, apabila banyak masa digunakan untuk belajar bahasa di luar kelas, ini bermakna semakin banyak dan keraplah SPB digunakan oleh pelajar.²⁴

²¹ Chang, Yu-Ping (2003). *Factors Affecting Language Learning Strategy Choice: A Study of EFL Senior High School Students in Taiwan*. Disertasi PhD. Texas A & M University.

²² Kamarul Shukri Mat Teh (2009). *Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Agama*. Tesis Ph.D. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

²³ Wu, Jui-Han (2006). *Significant Factors in College Students' Motivation and Learning Strategies in English Course in Taiwan*. Disertasi PhD. University of the Incarnate Word.

²⁴ Green, J.M. & Oxford, R.L. (1995). A Closer Look at Learning Strategies, L2 Proficiency, and Gender. *TESOL Quarterly* 29 (2), h. 261-297.

Ini dapat membantu pelajar untuk menjadi lebih autonomi, sendiri dan mampu menggunakan bahasa sasaran secara automatik.

Walau bagaimanapun, hasil kajian ini menunjukkan bahawa majoriti pelajar bahasa Arab kurang memperuntukkan masa untuk mempelajari bahasa Arab di luar kelas. Berdasarkan soal selidik yang diedarkan, hanya seorang pelajar sahaja yang menyatakan bahawa dia memperuntukkan masa lebih daripada enam jam di luar kelas dalam seminggu untuk mempelajari bahasa Arab. Hanya dua orang pelajar yang menyatakan mereka memperuntukkan masa empat hingga enam jam untuk belajar subjek tersebut, manakala 71 orang menyatakan mereka mempelajarinya satu hingga tiga jam dan seramai 126 pelajar menyatakan mereka mempelajari bahasa Arab kurang daripada satu jam di luar kelas dalam seminggu. Bilangan pelajar yang sangat kecil yang memperuntukkan masa belajar bahasa Arab lebih daripada enam jam dan peratusan yang tinggi iaitu 63% yang memperuntukkan masa belajar bahasa Arab di luar kelas kurang daripada satu jam merupakan satu senario yang membimbangkan. Jadual 7 menunjukkan taburan taburan jumlah jam belajar bahasa Arab di luar kelas dalam seminggu oleh responden.

Jadual 7: Taburan Taburan Jumlah Jam Belajar Bahasa Arab di Luar Kelas Dalam Seminggu

Julat Jam Belajar	Jumlah Pelajar	Peratus
Kurang daripada 1 Jam	126	63.0
1-3 Jam	71	35.5
4-6 Jam	2	1.0
Lebih daripada 6 Jam	1	0.5
Jumlah	200	100

Dapatan ini juga membantu dalam menjelaskan mengapa tahap penggunaan SPB secara keseluruhan dan mengikut kategori utama dalam kalangan pelajar yang mempelajari bahasa Arab adalah sederhana. Sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 7, majoriti pelajar mempelajari bahasa Arab di luar kelas kurang daripada satu jam. Apabila ini berlaku, sekali gus ia memberi kesan negatif kepada proses pembelajaran bahasa pelajar. Para pelajar tidak mempunyai peluang yang cukup untuk memperbaiki dan mempertingkatkan kemahiran berbahasa manakala aktiviti-aktiviti dan latihan bahasa juga tidak dapat dilakukan dengan berkesan. Keadaan ini akan mempengaruhi

penggunaan SPB yang mana peluang untuk mereka menggunakan SPB akan kurang. Ini sedikit sebanyak akan menjejaskan pencapaian bahasa pelajar.

Terdapat beberapa kemungkinan yang dapat menjelaskan fenomena tersebut. Antaranya ialah sistem pembelajaran yang berorientasikan peperiksaan menjadikan pelajar lebih mengutamakan pencapaian mereka dalam peperiksaan. Di samping bahasa Arab, mereka juga terpaksa mempelajari subjek-subjek lain mengikut bidang pengajian masing-masing. Justeru, bagi mencapai keputusan yang cemerlang, mereka terpaksa membahagikan masa belajar mereka untuk subjek-subjek lain juga.

Namun begitu, memperuntukkan masa belajar bahasa Arab di luar kelas selama kurang daripada satu jam adalah sangat tidak wajar kerana bahasa Arab adalah kunci bagi segala ilmu. Ini sejajar dengan pandangan Ibn Tāymīyyāḥ (1979) yang menyatakan bahawa bahasa Arab merupakan ilmu alat dan juga kunci bagi segala ilmu agama. Penguasaan bahasa Arab yang baik mampu membantu pelajar untuk menguasai subjek-subjek lain. Lebih-lebih lagi pelajar yang terlibat dalam kajian ini merupakan pelajar aliran agama dan majoriti subjek-subjek lain yang dipelajari adalah berbahasa Arab. Selain itu, bahasa Arab memerlukan usaha dan penggunaan yang berterusan dan bukan hanya terbatas dengan aktiviti-aktiviti di dalam kelas sahaja.

Sikap pelajar yang tidak tahu atau buat tidak tahu tentang kepentingan bahasa Arab dalam membantu kejayaan mereka juga menjadi faktor kepada kurangnya masa yang diperuntukkan untuk belajar bahasa Arab di luar kelas.²⁵ Mereka juga menganggap bahasa Arab sebagai bahasa asing yang mana penggunaannya tidak begitu meluas di Malaysia. Tambahan pula, mereka juga sering dimomokkan dengan dakwaan yang menyatakan bahawa bahasa Arab merupakan bahasa yang paling sukar di dunia.²⁶ Sedangkan dakwaan yang sedemikian tidak lain hanya suatu kepalsuan yang cuba diketengahkan

²⁵ Nurazan Mohamad Rouyan (2006). Strategi Pembelajaran Bahasa Dalam Pembelajaran Bahasa Arab: Kajian di KUSZA. Disertasi Ijazah Sarjana. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

²⁶ Ernie Suliana bt. Md. Sharif dan Zahiyah bt. Abu Bakar (2005), Permasalahan Pengajaran Bahasa Arab di Sekolah Menengah Agama Kerajaan di Terengganu, tinjauan terhadap persepsi guru pelatih program Diploma Bahasa Arab dengan pendidikan KUSZA sesi Mei 2004, Kertas Projek Diploma, Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin dan Kamarul Shukri b. Mat Teh, *op. cit.*

untuk melemahkan semangat umat Islam dalam menguasai bahasa Arab yang merupakan bahasa sumber perundangan dan ilmu Islam.²⁷

Sebenarnya, pandangan yang sebegini perlu diperbetulkan. Para pelajar hendaklah diberi persepsi yang positif bahawa mempelajari bahasa Arab bukanlah sesusah yang disangka, bahkan bahasa Arablah bahasa yang sangat bersistematik serta mudah difahami. Menurut laporan yang telah dikemukakan oleh Keatley et al. (2004), beliau menyatakan bahawa pelajar bahasa Arab di National Capital Language Resource Center, Amerika menganggap pembelajaran bahasa Arab adalah lebih mudah daripada bahasa German dan Latin.²⁸ Kenyataan ini dapat menolak tanggapan yang menyatakan bahasa Arab adalah bahasa yang sukar dipelajari.

PENUTUP

Kesimpulannya, jika dibandingkan tempoh kehidupan pelajar di luar kelas dan di dalam kelas, para pelajar lebih banyak menjalani kehidupan mereka di luar kelas. Maka, sudah tentulah mereka mempunyai lebih banyak masa untuk belajar bahasa di luar bilik darjah. Dalam erti kata lain, semakin lama tempoh seseorang itu menggunakan masanya untuk aktiviti pembelajaran, semakin banyaklah strategi pembelajaran yang digunakan. Oleh itu, tidak hairanlah apabila jumlah jam belajar bahasa Arab di luar kelas dalam seminggu menjadi faktor yang menyumbang kepada peningkatan tahap penggunaan SPB pelajar dalam kajian ini.

²⁷ Majd Muḥammad al-Bākīr al-Barāzī (1989). *Mushkilāt al-Risālah al-‘Arabiyyah al-Mu’āṣirah*, ‘Ammān: Maktabah al-Risālah al-Hadīthah dan Anwar al-Jundī (1982), *al-Fuṣṣhā Lughāt al-Qur’ān*, Bayrūt: Dār al-Kitāb.

²⁸ Keatly, C., Chamot, A., Greenstreet, S & Spokane, A (2004). *Learning Strategies of Students of Arabic* (atas talian). National Capital Language Resource Center. <http://www.nclrc.org/ins-arabic1.htm>. Dirujuk pada 1 November 2013.